

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bil . 8/2010**

Kepada semua  
Ketua Bahagian/Pusat/Unit  
Dekan Fakulti  
Pengarah Kampus  
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Dato' /Datin/Prof./Tuan/Puan

### PROSES PENYEDIAAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)/MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) ANTARA UiTM DAN ORGANISASI LUAR

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Pekeliling Naib Canselor Bil.21/2007 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dalam mesyuarat Bil. 03/2010 pada 03 Mac 2010 telah membuat keputusan bahawa semua dokumen MoU/MoA yang hendak dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang terlebih dahulu. Mana-mana dokumen MoU/MoA yang tidak mematuhi keperluan ini tidak akan diproses sebagai agenda Mesyuarat JKE.
3. Sehubungan ini, hanya Pejabat Penasihat Undang-Undang sahaja yang dibenarkan untuk mengemukakan dokumen MoU/MoA ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
4. Bersama-sama ini juga disertakan Carta Alir proses penyediaan tersebut untuk makluman dan rujukan YBhg. Dato' /Datin/Prof./tuan/puan

Sekian, terima kasih.

Yang benar



DATO' PROF. IR DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc  
Naib Canselor

s.k. Penasihat Undang-Undang UiTM

Rujukan kami : 100-UiTM(NC 6/2)  
Tarikh : 15 April 2010